

# CIRI-CIRI PENYELIDIKAN TINDAKAN

Ciri-ciri penyelidikan tindakan boleh dilihat dari dua aspek, iaitu aspek pendekatan kajian dan aspek persekitaran kajian.

## ASPEK PENDEKATAN

1. **Pendekatan Reformasi Pendidikan** Penyelidikan tindakan merupakan satu pendekatan yang bertujuan untuk memperbaiki mutu pendidikan melalui perubahan guru dalam pengajaran dan pembelajaran.
2. **Guru sebagai Inovator** Penyelidikan tindakan melibatkan proses pembelajaran dan perkembangan ikhtisas guru secara sistematik melalui kritikan yang membina. Guru membuat analisis kritikal berkaitan sesuatu tindakan bagi sesuatu situasi di dalam kelas. Hasilnya, guru mencadangkan perubahan dicadangkan bagi memperbaiki dan meningkatkan kurikulum di sekolah atau sistem pendidikan yang diamalkan.
3. **Guru Membina Teori** Penyelidikan tindakan memungkinkan para guru membina teori-teori daripada amalan sebenar. Dengan kata lain, penyelidikan tindakan bermula daripada masalah dan bukan bermula daripada teori.
4. **Membaiki Amalan Sendiri** Keutamaan diberi untuk memahami dan membaiki amalan sendiri. Amalan sendiri adalah fokus utama sebelum guru memberi perhatian terhadap aspek-aspek lain.

## ASPEK PERSEKITARAN

1. **Situasi Sebenar** Penyelidikan tindakan dilakukan dalam situasi sebenar seperti di dalam bilik darjah atau sekolah--bukan macam uji kaji di makmal.
2. **Ada Kolaborasi (Usaha Sama)** Penyelidikan tindakan melibatkan guru dan rakan sejawatnya sebagai penyelidik bersama. Jadi mereka berkolaborasi atau melakukan usaha sama.
3. **Berfokuskan Isu/Masalah** Aktiviti kajian membabitkan secara langsung atau tidak langsung dalam sesuatu isu atau masalah di persekitaran sekolah. Dengan kata lain, fokus kajian ialah isu dan masalah, bukan pengkajinya.
4. **Ada Intervensi** Penyelidikan tindakan melibatkan tindakan intervensi (campur tangan) anggota pasukan pengkaji. Intervensi itu dianggap positif dengan tujuan membantu dan mempermudah si pengkaji membuat pertalian yang dapat merapatkan hubungan antara amalan sebenar dengan ekspektasi

## LATIHAN

1. Ciptakan kartun orang lidi dengan dialognya sekali bagi setiap ciri di atas.
2. Ciptakan peta minda bagi ciri-ciri penyelidikan tindakan di atas.
3. Pilih satu ciri di atas dan huraikan ciri itu. Gunakan lebih kurang 150 patah perkataan sahaja. Huraian sebaik-baiknya disokong dengan grafik.

## TAMBAHAN

Kamarudin dan Siti Hajar (1998:57-58)\* mengemukakan 10 ciri penyelidikan tindakan. Lima daripadanya ialah memerlukan usaha sama (kolaborasi), ada kerjasama dalam satu pasukan, menggalakkan refleksi sendiri secara berterusan, penyelidik menyimpan jurnal peribadi, dan dimulakan secara kecil-kecilan. Selain itu, mereka mengemukakan empat perkara yang dititikberatkan dalam penyelidikan tindakan seperti yang berikut (diringkaskan):

- ✓ Ada bukti terkumpul untuk renungan menyeluruh.
- ✓ Memperlihatkan masalah dan kemudian menyelesaikan masalah itu
- ✓ Masalah yang diselidiki melibatkan penyelidik sendiri
- ✓ Mencerminkan amalan dan tindakan si pengkaji

\*Kamarudin Hj. Husin dan Siti Hajar Hj. Abdul Aziz, 1998. *Pengajian Melayu 5 dan 6: Pemulihan dan Pengayaan, Pengurusan Sumber, Budaya dan Masyarakat Malaysia*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.